

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KEFAHAMAN AYAT-AYAT
BERKAITAN KEJURUTERAAN
DALAM AL-QURAN: KAJIAN
TERHADAP PELAJAR
KEJURUTERAAN DI UTM**

AMNI HASLINDA BINTI ALPANDI

Tesis yang dikemukakan
bagi memenuhi keperluan untuk
Sarjana Pengajian Islam Kontemporari

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

November 2025

ABSTRAK

Serangan pemikiran (*ghzwat alfikr*) dan penyebaran sekularisme melalui pendidikan telah mengakibatkan banyak sekatan pengajian agama Islam secara moral dan material dalam bidang kejuruteraan. Ketiadaan integrasi antara ilmu kejuruteraan dan *al-Qurān* turut menyumbang kepada masyarakat yang jauh hubungannya dengan Maha Pencipta. Tambahan pula, kajian berkaitan kefahaman pelajar kejuruteraan terhadap ayat-ayat *al-Qurān* berkaitan kejuruteraan masih terhad. Justeru, kajian ini diusahakan bagi mengenalpasti sebahagian ayat-ayat berkaitan kejuruteraan yang terdapat di dalam *al-Qurān*, mengkaji tahap kefahaman pelajar kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) terhadap ayat-ayat *al-Qurān* berkenaan dan menganalisis kesan kefahaman ayat-ayat *al-Qurān* tersebut dalam pengamalan kehidupan seharian mereka. Kajian perpustakaan digunakan bagi menjawab objektif pertama kajian dengan merujuk kepada *tafsīr fī zilāl al-Qurān*, *tafsīr Ibn kathīr* dan *tafsīr Mafātīḥ al-Ghayb*. Selain itu, kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan instrumen temubual separa struktur bagi menjawab objektif kedua dan ketiga. Pemilihan kaedah kualitatif untuk mengkaji tahap kefahaman pelajar kejuruteraan di UTM terhadap ayat-ayat *al-Qurān* berkaitan kejuruteraan dan kesannya dalam pengamalan kehidupan seharian mereka adalah bagi memastikan kajian ini dapat dijalankan secara mendalam sehingga mencapai objektif kajian. Dapatan kajian dianalisis menggunakan metod analisis tematik melalui perisian ATLAS.ti. Hasil kajian daripada sesi temubual mendapati bahawa tahap kefahaman pelajar kejuruteraan di UTM terhadap ayat-ayat *al-Qurān* berkaitan kejuruteraan adalah baik terutama bagi responden yang memiliki pencapaian akademik cemerlang. Kajian juga mendapati bahawa 73.33% responden memahami intipati sebenar ayat-ayat *al-Qurān* berkaitan kejuruteraan dan telah memberi kesan yang baik dalam pengamalan kehidupan seharian mereka.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah dengan izin-Nya, saya dapat menamatkan penulisan tesis bagi Sarjana Falsafah Pengajian Islam Kontemporari dalam bidang pengkhususan Dakwah dan Pembangunan Insan di Universiti Teknologi MARA ini. Saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan misi '*Master for Ummah*' ini.

Secara khususnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia utama saya, Dr Nurul Badriyah Ali, di atas segala bimbingan, nasihat, motivasi dan ilmu yang telah diberikan. Jazakillah khair kerana memberi peluang, dorongan dan kepercayaan kepada saya untuk melalui perjalanan pengajian sarjana ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan buat kedua ibu bapa saya yang merupakan tulang belakang dalam perjuangan ini, ahli keluarga, barisan pendidik dan rakan seperjuangan atas sokongan dan doa yang tidak putus-putus sepanjang saya berada di fasa jihad menuntut ilmu.

Terlalu ramai yang telah menyumbang di sepanjang perjalanan pengajian saya ini. Terima kasih kepada semua yang membantu secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kajian penyelidikan ini. Semoga Allah membalas segala jasa baik kalian dengan sebaik-baik ganjaran, di dunia dan di akhirat. Barakallahufikum.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xiii
JADUAL TRANSLITERASI	xv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Skop dan Limitasi Kajian	9
1.7 Kepentingan Penyelidikan	10
1.8 Kesimpulan	11
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	13
2.1 Pendahuluan	13
2.2 I'jāz I'lmī al-Qurān	13
2.3 Al-Qurān dan Teknologi Kejuruteraan	15
2.4 Kajian Lepas Berkaitan Kefahaman dan Penghayatan	24
2.5 Penutup	33

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sains dan teknologi kejuruteraan merupakan sebahagian daripada agama. Wahyu dan akal adalah asas bagi ilmu sains dalam Islam. Sumber rujukan tertinggi adalah wahyu daripada Allah, manakala akal memiliki kemampuan yang terbatas. Sains dalam Islam adalah gabungan fakta dan maklumat yang diperolehi melalui penemuan dan penyelidikan menggunakan metode-metode tertentu yang tidak bertentangan dengan syarak. Istilah '*ṣinā'ah*' adalah bertepatan dengan istilah teknologi dalam sejarah sains Islam yang bererti ilmu gunaan (Adnan et al., 2014).

Teknologi yang berfaedah dan memberi kemaslahatan, tidak terkeluar daripada prinsip-prinsip dasar dan etika Islam serta tiada unsur kerosakan merupakan asas teknologi dalam Islam. Bidang sains dan teknologi memberi fokus kepada kemahiran dan kaedah memanfaatkan sesuatu ciptaan bagi memudahkan kehidupan manusia dalam rangka beribadah kepada Allah SWT. Terdapat satu bidang ilmu yang merujuk kepada kepandaian dalam menggunakan teknologi secara efektif bagi manfaat manusia iaitu kejuruteraan. Dalam Islam, kejuruteraan digunakan untuk memudahkan manusia melaksanakan tanggungjawab kekhalifahan dengan lebih tersusun. Tuntasnya, sains, teknologi dan kejuruteraan adalah ilmu yang mampu meningkatkan keimanan serta nilai penghayatan sebagai hamba Allah dalam diri seorang manusia (Adnan et al., 2014).

Banyak ayat-ayat *al-Qurān* yang memberi ruang dan menuntut manusia untuk mengkaji, menyelidik dan berfikir. Wahyu Allah merupakan dasar dalam penyelidikan Islam sehingga setiap kajian dan analisa yang dilakukan membawa pengkaji kepada suatu kupasan yang memperlihatkan bukti-bukti kekuasaan Allah yang mencipta segala sesuatu. Kebesaran dan kewujudan Allah sebagai Maha Pencipta dan pentadbir seluruh alam terbukti melalui kewujudan alam dan diri manusia. Allah SWT berfirman dalam *sūrah āli I'mrān* ayat 190: